BAB 3 SENI CETAKAN

1. **Padankan bahan yang digunakan dalam mengasilkan seni cetakan dengan nama kaedah dan tekniknya.**

- Potongan kayu
- Gurisan kayu
- Potongan lino
- Kolaj

Kaedah saring sutera atau serigrafi

- *Line Engraving*
- *Dry point*
- Gurisan asid
- Kolagraf
- **Akuatin**
- **Mezotin**

Kaedah permukaan atau planografi

- Litografi

Kaedah timbulan atau *relief*

- *Open-masking*
- Foto emulsi
- Profilem
- Stensil

Kaedah benaman atau *intaglio*

LIVEWORKSHEETS

Namakan kaedah dan teknik seni cetakan di bawah.

Proses melukis dengan cara mengukir pada plat logam atau kayu. **Dakwat cetak** diletakkan di dalam alur turisan dan dicetak menggunakan pemampat atau penggelek.



Dakwat digelekkan ke atas permukaan tapak cetak dan bukan ke dalam alur turisan. Kaedah ini merupakan kaedah tertua dalam seni cetakan.

Kain sutera akan diregangkan di atas kayu pemidang. Imejnya terhasil melalui keratan kertas akhbar (*newsprint*), profilem atau foto emulsi. Sekuji digunakan untuk menyapu dakwat atau warna di atas permukaan kertas atau kain.



Dihasilkan daripada permukaan seni cetakan yang mendatar. Litografi berdasarkan teknik sifat penolakan minyak dengan air. Blok batu kapur digunakan sebagai blok persembahan imej. Kaedah ini dapat menghasilkan seni cetakan yang hampir sama dengan lukisan pensel.

LIVEWORKSHEETS

Latihan Sumatif

Soalan Objektif

Pilih jawapan yang betul.

1. Apakah keunikan seni cetakan berbanding dengan karya seni halus yang lain?
   - **A** Proses menerap
   - **B** Menggunakan blok
   - **C** Menggunakan kertas atau kain
   - **D** Boleh dicetak banyak dipanggil edisi

2. Apakah fungsi sekuji?
   - **A** Alat untuk mengukir plat
   - **B** Untuk mencairkan dakwat cetak
   - **C** Menyapu dakwat atau warna
   - **D** Meregangkan pemidang

3. Manakah antara berikut merupakan teknik dalam kaedah seni cetakan saring sutera?
   - **A** Gurisan asid
   - **B** Foto emulsi
   - **C** Potongan lino
   - **D** *Line engraving*

4. Gambar foto 1 merupakan karya seni cetakan Awang Damit bertajuk *E.O.C-Monumen of the Past II*, 1992. Karya ini dihasilkan ketika beliau belajar di ITM Kampus Dungun.

Gambar foto 1

Berdasarkan ciri-ciri karya di atas, apakah teknik yang digunakan?
- **A** Kolaj
- **B** Gurisan asid
- **C** Potongan lino
- **D** Potongan kayu

LIVEWORKSHEETS